

**BUKAN UNTUK DIEDARKAN, SAMA ADA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG, DI ATAU KE AMERIKA SYARIKAT**



**KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk siaran segera  
9 September 2026**

**PNB UMUM TAWARAN KEDUA SUKUK BOLEH TUKAR  
BERCAGAR BERNILAI USD300 JUTA**

*Inisiatif ini mengukuhkan komitmen berterusan PNB terhadap pengoptimuman portfolio, kepelbagaian pelaburan dan penciptaan nilai jangka panjang untuk pemegang unit*

**KUALA LUMPUR, 9 September 2026** – Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan sukacitanya mengumumkan pelancaran dan penetapan harga Sukuk Boleh Tukar Bercagar bernilai USD300 juta (selepas ini dirujuk sebagai “Sukuk Boleh Tukar”). Tawaran ini akan dilaksanakan menerusi Mekar Capital II Ltd., sebuah syarikat tujuan khas yang diperbadankan di Labuan sebagai penerbit, dengan Mekar Capital I Ltd. bertindak sebagai obligor bagi transaksi tersebut.

Tawaran kedua ini menyusuli penerbitan sulung sukuk boleh tukar bercagar bernilai USD300 juta oleh PNB pada Januari 2026. Ia mencerminkan komitmen berterusan PNB untuk mengoptimumkan portfolionya menerusi penyelesaian pasaran modal yang inovatif.

Hasil terbitan ini akan digunakan untuk pelaburan dalam aset sukuk global berdenominasi dolar Amerika Syarikat (USD), selaras dengan objektif Perumpukan Aset Strategik PNB serta tumpuannya dalam meningkatkan pulangan jangka panjang.

Sukuk Boleh Tukar ini boleh ditukar kepada saham biasa SD Guthrie Berhad (selepas ini dirujuk sebagai “Saham Asas”), pengeluar minyak sawit bersepadu terbesar Malaysia dan peneraju global dalam minyak sawit mampan, dengan operasi merangkumi perladangan, produk hiliran, tenaga boleh diperbaharui dan

pembangunan perindustrian. Transaksi ini membolehkan PNB mengekalkan pegangan ekuiti awam domestiknya yang signifikan, sambil mengguna pakai pendekatan inovatif untuk memperoleh hasil dalam mata wang asing bagi tujuan pelaburan dalam aset sukuk global berdenominasi USD, sekali gus meningkatkan kepelbagaian portfolio serta kecekapan modal.

Dato' Rizal Rickman Ramli, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, berkata, "Penerbitan Sukuk Boleh Tukar ini merupakan satu lagi pencapaian penting dalam pelaksanaan Pelan Strategik LEAP-6 sehingga tahun 2027, yang terus menjadi teras kepada usaha kami untuk memperkukuh pulangan jangka panjang dan membina daya tahan portfolio."

"Seiring dengan pelaksanaan LEAP-6, PNB akan terus memperluaskan portfolio pelaburannya merentasi pelbagai geografi dan kelas aset, termasuk sukuk global, bagi memastikan pulangan kami disokong oleh pelbagai sumber dan tidak bergantung kepada satu pasaran sahaja. Walaupun kami terus mengekalkan pelaburan domestik, kami akan terus berinovasi dalam mengoptimumkan portfolio, selaras dengan strategi jangka panjang kami untuk menjana pulangan yang mampan, berteraskan pengurusan risiko yang berhemat."

Sukuk Boleh Tukar ini mempunyai tempoh matang lima tahun, dengan pilihan jual (put option) kepada pelabur yang boleh dilaksanakan pada akhir tahun ketiga. Kualiti kredit Sukuk Boleh Tukar ini disokong oleh pengaturan cagaran yang memihak kepada pemegang sukuk, yang terdiri daripada Saham Asas serta aset sukuk global berdenominasi USD.

Sukuk Boleh Tukar ini telah mendapat sambutan yang positif daripada pelabur instrumen berkaitan ekuiti, termasuk pelabur jangka panjang dan pelbagai strategi dari Asia dan Eropah. Permintaan yang kukuh ini membolehkan Sukuk Boleh Tukar diterbitkan pada kadar keuntungan yang menarik sebanyak 1.50% dengan premium pertukaran sebanyak 10.0%.

Tawaran ini dijangka akan terus memperkukuh pasaran instrumen boleh tukar berkaitan Malaysia serta menyokong pembangunan berterusan pasaran sukuk

domestik dan antarabangsa, sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju global dalam pembiayaan patuh Syariah.

BNP PARIBAS, J.P. Morgan dan Maybank bertindak sebagai Pengurus Utama Bersama dan Pengurus Buku Bersama bagi transaksi ini. Maybank Islamic pula bertindak sebagai Penasihat Syariah bagi transaksi tersebut.

-Tamat-

### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM360 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**